| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Terima 13,837 buah fikiran | | |
| MediaTitle | Harian Metro | | |
| Date | 21 Sep 2017 | Language | Malay |
| Circulation | 179,231 | Readership | 537,693 |
| Section | Setempat | Page No | 26 |
| ArticleSize | 489 cm² | Journalist | Idris Musa |
| PR Value | RM 57,791 | | |
| | | | |





Idris Musa
idris@hmetro.com.my


# Terima 13,837 buah fikiran

## Idea orang ramai untuk dipertimbangkan dalam pembentukan Bajet 2018

**Kuala Lumpur**

Sebanyak 13,837 idea dan cadangan diterima sepanjang kempen *crowdsourcing* #Bajet2018 yang berlangsung selama 15 hari bermula dari 4 hingga 18 September lalu, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

Beliau gembira kerana ramai mengambil peluang itu untuk berkongsi cabaran, selain memberi cadangan untuk dipertimbangkan dalam pembentukan Bajet 2018.

Menurutnya, berdasarkan penelitian awal, beliau mendapati pekerjaan, kos sara hidup, pendidikan, pencukaian, perniagaan dan kewangan serta pengangkutan dan infrastruktur adalah topik hangat, sekali gus menunjukkan keutamaan rakyat pada hari ini.

"Antara yang menarik perhatian saya adalah idea saudara Mohd Saiful Ridzuan yang mencadangkan agar Sungai Klang dibersihkan dan dibangunkan untuk menjadi sebuah pengangkutan jalan air utama yang menghubungkan bandar di sekitarnya.

"Ramai juga yang memuji pelaksanaan MRT dan meminta kerajaan membangunkan sistem pengangkutan awam yang efisyen di negeri yang berpopulasi tinggi bagi menangani masalah kesesakan lalu lintas.

"Bagi membantu penduduk kampung dalam meningkatkan pendapatan, saudara Freddie mencadangkan supaya diwujudkan satu kerjasama antara pihak TNB dan penduduk kampung untuk memasang panel solar di rumah kampung," katanya melalui catatan di blog najibrazak.com bertajuk #BAJET2018, Bajet Untuk Anda, semalam.





MOHD SAIFUL RIDZUAN BIN SAID

MEMBERSIHKAN SUNGAI KLANG, DAN MENJADIKAN TEMPAT PENGANGKUTAB AIR

Assalamualaikum sudah sedia maklum bahawa sungai klang amat penting bagi penduduk kl selangor. Jadi saya berharap sungai di bersihkan dab menjadikan ia sebagai sebuah pengangkutan jalan air utama yg menghubungkan bandar bandar du sekitarnya. Dengan bajet yg ada saya berharap kerajaan menaik taraf sungai klang sebagai "river of life" dan sebagai pengangkutan air utama dari klang ke kuala lumpur. Sudah maklum negara luar yg maju mempunyai sungai yg bersih contoh bandar seoul, venice

IDEA Mohd Saiful Ridzuan antara yang menarik perhatian Najib.

Perdana Menteri berkata, beliau juga gembira membaca cadangan daripada penduduk desa yang mengutarakan hasrat untuk turut terbabit dalam ekonomi digital dan berharap peluang mengembangkan perniagaan melalui ekonomi digital tidak terhad kepada penduduk bandar saja.

"Dalam memastikan peluang ini wujud untuk penduduk desa, saudara Mohamad Zulkhairin Raihan antaranya meminta kerajaan menaik taraf dan meningkatkan kelajuan capaian Internet di kawasan luar bandar," katanya.

Katanya, beliau faham ramai juga yang meminta pelepasan cukai bagi membantu menangani kos sara hidup golongan berpendapatan tengah, daripada peningkatan pelepasan cukai untuk aktiviti sukan kepada pelepasan cukai untuk penyelenggaraan kenderaan persendirian.

"Untuk makluman semua, sejak GST diperkenalkan pada 2015, kerajaan menurunkan kadar cukai pendapatan individu sebanyak satu hingga tiga mata peratusan yang memanfaatkan 300,000 orang apabila mereka tidak perlu lagi membayar cukai," katanya.

## Takziah rakyat Mexico terjejas gempa

**Kuala Lumpur:** Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak mengucapkan takziah kepada kerajaan dan rakyat Mexico yang terjejas akibat gempa bumi pada Selasa.

"Takziah yang mendalam kepada kerajaan dan rakyat Mexico yang terjejas akibat gempa bumi ini," katanya menerusi catatan di Twitter beliau, semalam.

Menurut laporan, gempa bumi berukuran 7.1 pada skala Richter itu menggegarkan tengah Mexico dan mengorbankan lebih 200 orang, manakala ribuan orang lagi cedera.

Ia adalah gempa bumi kuat kedua melanda Mexico bulan ini selepas 98 orang terbunuh dalam bencana sama di selatan Mexico, 7 September lalu.